

Tingkatkan kecekapan pengangkutan awam

SISTEM perkhidmatan transit aliran ringan (LRT) sedikit sebanyak membantu mengurangkan kesesakan bandar raya Kuala Lumpur.

Namun sebagai perkhidmatan yang baru pasti banyak kelemahan. Ketika berada di Kuala Lumpur baru-baru ini saya seringkali menggunakan perkhidmatan ini. Sebagai budak kampung yang dibesarkan di zaman sebelum merdeka saya rasa megah setiap kali menaiki LRT, monorail dan komuter. Tidak siapa dapat menyangka yang sistem pengangkutan moden ini akhirnya akan sampai ke Malaysia.

Sungguhpun begitu, saya cukup kurang senang melihat gerabak yang penuh sesak dengan penumpang khususnya ketika "rush hour". Penumpang tolak menolak ketika naik dan turun dari gerabak. Pemandangan seumpama ini cukup mengerikan.

Secara logiknya muatan melebihi had memberi kesan buruk kepada sistem pengangkutan ini. Ia melibatkan enjin, landasan dan sebagainya.

Pihak yang mengendalikan perkhidmatan dan juga agensi kerajaan terlibat mesti memberi perhatian yang cukup serius terhadap sistem perkhidmatan ini. Ia melibatkan nyawa manusia meskipun beberapa kejadian buruk baru-baru ini belum lagi meragut nyawa penumpang.

Bagi penduduk bandar raya gerabak-gerabak ini mengembalikan ingatan mereka kepada kepadatan bas mini dalam tahun-tahun 80-an dan 90-an.

Apalah salahnya kalau ditambah gera-

um- 13/12/2006
bak khususnya di waktu "rush hour". Pengangkutan awam adalah untuk memberi keselesaan kepada penumpang. Tanggungjawab kepada masyarakat adalah lebih mulia daripada wang ringgit.

Kepada penumpang-penumpang komuter khususnya kelewatan ketibaan kereta api boleh dikatakan sesuatu yang biasa. Ada kalanya sampai 40 minit. Akibatnya penumpang semakin ramai dan berebut-rebut menaiki kereta api.

Satu perkara yang sering menjadi tanda tanya ketika menaiki monorail ialah tentang landasannya yang bengkok-bengkok. Ada antara landasannya mempunyai selekoh yang amat tajam. Hinggakan penumpang terhenyak ketika kereta api mengambil selekoh. Kelakarnya hingga di udara Kuala Lumpur yang luas pun ada "kornor baring".

Jarang-jarang sekali saya melihat orang kurang upaya menggunakan perkhidmatan ini. Mungkinkah tidak ada kemudahan untuk rakyat jenis ini? Sepatutnya ia merupakan satu syarat ketika meluluskan pelan pengangkutan awam.

Kita tidak mahu golongan kurang upaya terpaksa terus menerus bergantung kepada orang lain. Akibatnya masyarakat Malaysia akan menjadi masyarakat "tongkat" dan kurang inisiatif.

Bercakap mengenai LRT saya teringat pemandangan yang kurang enak di stesen LRT KLCC. Stesen tersebut nampaknya telah menjadi pasar malam. Ia menjadi tumpuan peminta sedekah, penjaja, pemuzik jalanan dan berbagai jenis akti-

viti lagi berlangsung di situ. Sebagai tempat tumpuan pelancong perkara seumpama ini adalah cukup tidak manis.

Tetapi apa yang paling menyedihkan saya ialah keadaan bangunan Stesen Keretapi Kuala Lumpur. Bangunan tersebut amat usang dan kotor dan bertentangan dengan sifatnya sebagai satu bangunan warisan negara.

Keadaan keliling bangunan busuk dengan bau air kencing terutama sekali bangunan di hadapan stesen yang kini digunakan sebagai stesen bas ekspres.

Keadaan bangunan yang usang dan berbau kurang enak menimbulkan persoalan apakah agensi kerajaan yang bertanggungjawab tidak mempunyai peruntukan untuk membersihkan tempat tersebut.

Sesekali eloklah menteri yang berkenaan melawat stesen-stesen di KL Central, Masjid Jamek, KLCC dan sebagainya. Kalau ada masa eloklah naik untuk merasai betapa warga kota terpaksa berhimpit-himpit di dalam gerabak. Kalau ke Stesen Keretapi Kuala Lumpur janganlah lupa melawat stesen bas ekspres dan kawasan sekelilingnya.

Satu pemandangan yang cukup menarik ialah warga Kuala Lumpur terutamanya wanita-wanita Melayu begitu asyik dengan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS). Naik sahaja LRT mereka terus menghantar SMS. Pemandangan amat berbeza dengan penumpang-penumpang LRT di negara-negara Barat dan Jepun. Mereka membuka buku dan membaca. Mungkin mereka

sudah jemu dengan SMS.

Selain itu eloklah juga kementerian berkenaan mengambil perhatian tentang perkhidmatan limousin di hotel-hotel. Kadar tambang yang dikenakan ada kalanya tidak masuk akal. Begitu juga dengan jenis kenderaan yang digunakan. Tidak mustahil ada antara kenderaan-kenderaan ini tidak mempunyai kebenaran mengangkut penumpang.

Tahun Melawat Malaysia 2007 tidak berapa hari lagi. Saya percaya beberapa program telah dirancang oleh jawatankuasa induk dan kecil. Harap janganlah lupa soal pengangkutan awam dan kebersihan kerana isu-isu ini boleh mencatitkan kejayaan program.

Bercakap mengenai Tahun Melawat Malaysia 2007, akhbar *Los Angeles Times* 8 Oktober 2006 menyiarkan satu isu khas mengenai pelancongan di Asia. Antara negara-negara yang menjadi destinasi pelancongan ialah Malaysia dan Singapura. Destinasi untuk pakej pelancongan di Malaysia ialah Pulau Pinang, Langkawi dan Malaysia Borneo (tidak dinyatakan di mana).

Dari pemahaman saya pakej pelancongan tersebut menggunakan penerbangan Syarikat Penerbangan Singapura (SIA).

DATUK MUHAMMAD ALIAS ialah bekas Duta di Ghana yang kini menetap di Los Angeles Amerika Syarikat.